

03 FEB 1998

MSIA BOLEH MUNCUL LEBIH KUKUH DARIPADA KRISIS, TETAPI BANK DUNIA SEDIA BANTU

PETALING JAYA, 3 Feb (Bernama) -- Bank Dunia melihat Malaysia akan muncul dengan asas lebih kukuh daripada krisis ekonomi serantau berbanding dengan negara-negara lain, tetapi tidak menolak kemungkinan memberikan bantuan kewangan atau nasihat jika perlu.

Presidennya, James Wolfensohn juga berkata bahawa Malaysia patut diasingkan daripada negara-negara lain di rantau ini, terutamanya Thailand, Korea Selatan dan Indonesia, kerana ia tidak terdedah dengan keterlaluan kepada pinjaman dana-dana tanpa lindung nilai atau berisiko.

Malaysia juga telah "mempamerkan pertumbuhan ekonomi yang terpuji dan pengurusan ekonomi yang amat baik perbezanya," beliau memberitahu persidangan akhbar pada akhir lawatan 24 jam beliau ke Malaysia.

Wolfensohn, yang mengadakan perjumpaan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berada di sini sebagai sebahagian daripada lawatan seminggu ke enam negara Asia Timur bertujuan menilai kesan krisis ekonomi dan menawarkan bantuan kepada negara-negara yang terbabit.

Katanya sungguhpun Malaysia mempunyai beberapa masalah "akibat kecergasan hartanah dan beberapa aspek lain pengurusan ekonomi," masalah-masalah itu boleh ditangani."

Wolfensohn, yang turut menemui beberapa eksekutif peniagaan dan pegawai-pegawai daripada Bank Negara, Perbendaharaan dan kesatuan-kesatuan sekerja, berkata beliau "tertarik" dengan perjumpaan dengan para pemimpin Malaysia dan ketulenan mereka (dalam menanganinya) dan (mengambil) penyelesaian terhadap masalah semasa itu.

Beliau juga melahirkan keyakinan bahawa Malaysia akan dapat menangani program-program sosialnya sambil mengekalkan perjalanan enjin pengurusannya.

Bank Dunia bersedia menawarkan bantuan kepada Malaysia sekiranya ia memerlukannya, katanya.

"Saya tidak menolak sebarang (kemungkinan). Apa yang saya nyatakan ialah saya tidaklah menawarkan semuanya. Saya sekadar menawarkan kepada mereka apa sahaja bantuan yang bank boleh berikan sekiranya mereka memerlukannya," katanya.

"Apa yang saya mahu berikan jaminan kepada kerajaan ialah yang pertama, kami memahami perbezaan di antara Malaysia dan negara-negara lain dan keduanya.... iaitu jika pada bila-bila masa kami boleh bantu sama ada dalam khidmat nasihat atau pembiayaan, kami gembira untuk menawarkan diri," katanya.

Mengenai cadangan Malaysia supaya pertumbuhan-pertumbuhan dan institusi-institusi sedunia membincangkan kemungkinan memperkenalkan peraturan bagi dagangan matawang yang dikatakan merupakan antara sebab-sebab krisis matawang serantau, Wolfensohn berkata:

"Saya fikir banyak orang termasuk George Soros (pembiaya kewangan AS) telah mengambil pendapat bahawa aliran besar-besaran dana kewangan yang tidak terkawal selia amat membimbangkan pasaran."

Katanya pusingan dagangan pasaran tukaran wang asing di dalam sesuatu hari adalah lebih kurang empat kali ganda dagangan yang diperlukan bagi dagangan dan pelaburan.

"Sementara spekulasi di dalam tukaran wang asing semata-mata bukanlah sebab yang tunggal krisis itu, ia boleh memburukkan krisis itu," katanya, sambil menambah kata bahawa terdapat persetujuan umum bahawa sesetengah

peraturan di dalam dagangan matawang mestikan dikaji.

Beliau juga berkata bahawa ada merit di dalam cadangan yang dibuat oleh Dr Mahathir di Hong Kong tahun lalu semasa mesyuarat tahunan Tabung Kewangan Antarabangsa/Bank Dunia supaya dikawal selia dagangan matawang.

"Kami dan Bank Dunia amat gembira melihat untuk menyumbang kepada penyelesaian itu," katanya, sambil menambah kata bahawa pasukan ahli ekonomi bank itu telah melawat Malaysia untuk membincangkan isu tersebut.

Bagaimanapun, tambahnya: "Secara peribadi saya tidak ghairah untuk menjadi pengawal selia aliran dana antarabangsa. Jadi, saya harap semua orang bersetuju dengan George Soros bahawa kami bukanlah orangnya yang melakukannya."

"Tetapi kami bersedia membincangkannya dan bersedia memberikan sumbangan kepadanya dan diharapkan mendapatkan seseorang yang akan mengawasinya."

Beliau juga berkata beliau berpendapat bahawa adalah sukar untuk mengadakan kawalan dagangan matawang berasaskan sesuatu negara tunggal. Satu persetujuan antarabangsa diperlukan, katanya.

"Daripada pengalaman saya perkara-perkara itu tidak berlaku dengan amat cepat tetapi saya fikir arah haluannya tidak jelas dan diharapkan sesuatu akan muncul," tambah beliau. -- BERNAMA

JR MR OS